

10 OCT 2003

Aman

KONVOI AMAN MALAYSIA TIBA DI KANGAR

KANGAR, 10 Okt (Bernama) -- Konvoi bermotor Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang membabitkan kira-kira 100 peserta tiba di sini malam tadi dalam misi mendapatkan perakuan dan pendirian rakyat mengenai keamanan.

Konvoi membabitkan 57 motosikal berkuasa besar yang diketuai Datuk Abdul Raof Yusoh itu disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Alam Sekitar Perlis, Mohamed Hadzi Nordin bagi mewakili Menteri Besar Perlis di dataran Datuk Sheikh Ahmad di sini.

Perlis adalah negeri pertama disinggahi selepas pelancarannya dilakukan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Lumpur semalam.

Pada majlis itu, Abdul Raof yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Bukit Bintang turut membacakan memorandum deklarasi keamanan.

Ketika ditemui pemberita kemudian, beliau berkata konvoi itu akan mendapatkan perakuan rakyat melalui kutipan tandatangan sepanjang perjalanan mereka.

"Kami tidak meletakkan sasaran kutipan tandatangan tetapi kami akan berusaha mendapatkannya sebanyak mungkin," katanya.

Abdul Raof berkata suara rakyat Malaysia itu akan diserahkan kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar Ahad ini untuk dipanjangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 yang bakal berlangsung mulai esok hingga 18 Okt.

"Sebelum ini, kami telah mengumpul 2.5 juta tandatangan rakyat Malaysia dan diserahkan pada sidang kemuncak NAM (Pergerakan Negara-negara Berkecuali) dan tandatangan yang sama juga akan turut dibawa pada OIC," katanya.

Suara rakyat Malaysia adalah senada iaitu menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk kezaliman seperti pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan penindasan terhadap rakyat Palestin oleh Israel, katanya.

-- BERNAMA

AD RON